



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

MERINYU JENTERA (C.1-2 EB.3)  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

#### Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. MERINYU JENTERA  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Automotif / Mekanikal atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**SECARA UMUM**

1. Bertanggungjawab ke atas jentera-jentera dan kenderaan bagi:
- Menentukan kerja-kerja pembaikan dan pemeliharaan yang diperlukan;
  - Menentukan alat ganti yang perlu diganti atau sebaliknya;
  - Menentukan jentera-jentera dan kenderaan boleh digunakan atau sebaliknya; dan
  - Memastikan kerja-kerja pembaikan dan pemeliharaan yang dibuat oleh mekanik mencapai tahap memuaskan.



2. Menyediakan dan mengisikan borang membaharui cukai jalan bagi jentera berat;
3. Memberikan laporan-laporan perkembangan status jentera-jentera dan kenderaan yang lengkap terutama yang berada di dalam workshop;
4. Memberi laporan-laporan teknikal;
5. Membuat jadual pemeliharaan (*servicing schedule*) bagi jentera berat termasuk meneliti laporan pemeliharaan jentera; dan
6. Bertanggungjawab kepada Jurutera dan Penguasa Jentera alat-alat merupakan kelebihan.

#### **JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, JABATAN KERJA RAYA**

1. Membuat pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan / jentera berat Jabatan Kerja Raya yang dilaporkan kerosakkannya oleh pemandu / pengguna dan juga memastikan kerosakkan yang lain jika tidak dilaporkan serta menilai sama ada untuk dilaksanakan pembaikan secara *in-house* atau *out source*;
2. Membuat kad kerja (*jobcard*) bagi kerja pembaikan ke atas kenderaan / jentera berat yang rosak;
3. Membuat pemeriksaan dan mengeluarkan laporan pemeriksaan ke atas kenderaan / jentera berat Jabatan Kerja Raya yang mansuh pelekat cukai jalan bagi pembaharuan pelekat cukai jalan;
4. Menyediakan spesifikasi kerja-kerja pembaikan sama ada melalui *direct purchase* atau sebutharga untuk dihadapkan kepada Ketua Unit;
5. Memantau kemajuan kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan di bengkel-bengkel swasta *out-source* dan juga yang dilaksanakan secara *in-house*;
6. Membuat pemeriksaan dan menguji kenderaan / jentera berat yang telah selesai dibaiki dan memastikan pembaikan dilaksanakan dengan sempurna mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan sebelum diserahkan kepada pemandu / pengguna; dan
7. Menerima arahan-arahan lain dari Ketua Unit dan pihak atasan.